

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

JUN 1992

JSE 231 Mikroekonomi I

ARAHAN

1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.
2. Jawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B. Soalan 1 dalam Bahagian A bernilai 60 markah. Jawabannya hendaklah ditulis dalam ruang-ruang kosong yang disediakan dalam kertas soalan ini. Bahagian B bernilai 40 markah. Gunakan buku jawapan yang disediakan untuk menjawab Bahagian B.

... 2/-


BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A.

Soalan 1


[A] Andaikan pasaran komputer peribadi di Malaysia boleh digambarkan oleh keluk permintaan dan penawaran yang terdapat dalam pasaran biasa seperti dalam Rajah 1, 2 dan 3. Tunjukkan dalam rajah berkenaan kesan daripada perubahan-perubahan berikut:

- [i] Kerajaan telah mengurangkan tarif ke atas cip komputer yang diimport, yang sangat penting kepada pembuatan komputer peribadi.



Rajah 1: Pasaran Komputer Peribadi di Malaysia


- [iii] Permintaan dan penawaran komputer peribadi telah berubah begitu rupa, meskipun penawarannya bertambah, harga komputer menjadi semakin tinggi.



Rajah 2: Pasaran Komputer Peribadi Di Malaysia

... 3/-


- [iii] Untuk mengawal penggunaan komputer peribadi di Malaysia, kerajaan telah mewajibkan setiap orang yang hendak menggunakan komputer peribadi supaya membayar lesen sebanyak \$50.



Rajah 3: Pasaran komputer Peribadi di Malaysia

- [B] Mengikut laporan Kementerian Sumber Manusia yang dibentangkan di Parlimen pada bulan April lalu, Malaysia kekurangan tenaga pekerja dalam bidang perhotelan.

- [i] Dalam Rajah 4, lukiskan keadaan pasaran pekerja perhotelan seperti yang dimaksudkan oleh laporan ini.
- (2 markah)
- [ii] Tunjukkan dalam rajah tersebut bagaimana kekurangan pekerja ini dapat diatasi oleh pihak majikan.



Rajah 4: Pasaran Pekerja Perhotelan

[C] Fungsi utiliti En. Iqra' dalam penggunaan barang X boleh dianggarkan seperti persamaan berikut:

$$TU = 40X - 2X^2$$

dengan X mewakili kuantiti barang X yang digunakan sehari.

[i] Setujukah anda bahawa fungsi utiliti ini realistik. Kenapa?

(2 markah)

[ii] En. Iqra' ingin memaksimumkan utilitinya. Adakah tercapai hasratnya jika dia menggunakan 9 unit X? Kenapa?

(2 markah)

[D] En. Wau menggunakan dua barang X dan Y. Anggaran En. Wau tentang kedudukannya sekarang adalah seperti berikut:

Penilaian subjektifnya: $MU_x = 15$ util; $MU_y = 8$ util

Di pasaran: $P_x = \$3$ dan $P_y = \$4$,

[i] Apakah langkah yang mesti diambil oleh En. Wau, dalam penggunaan X dan Y untuk memaksimumkan utilitinya?

(2 markah)

[ii] Apakah syarat yang mesti dipenuhi oleh En. Wau daripada segi pendapatannya?

(2 markah)

- [E] Syarikat Teksi Pulau Berantah telah mendapati maklumat-maklumat berikut tentang permintaan teksinya.

| <u>Masa</u> | <u>Penumpang</u> | <u>Keanjalan</u> | <u>Tambang</u> |
|------------------------|------------------|------------------|----------------|
| 7.30 - 9.00 pagi | 1000 - 2000 | 0.52 | \$0.70 |
| 10.00 - 1.00 tgh. hari | 400 - 600 | 1.45 | \$0.70 |
| 2.00 - 6.00 petang | 700 - 900 | 1.00 | \$0.70 |
| 7.00 - 10.00 malam | 500 - 700 | 2.01 | \$0.70 |

Masalah sekarang syarikat ini hendak menambahkan hasilnya supaya dapat membeli teksi baru bagi menggantikan yang lama. Cadangan anda untuk menambahkan hasil/keuntungan syarikat ini diminta.

- [i] Naikkan tambang: pada waktu mana yang terbaik?

(2 markah)

- [iii] Turunkan tambang: pada waktu mana yang terbaik?

(2 markah)

- [iiii] Tidak perlu ubah tambang kerana jumlah hasil tidak akan berubah jika tambah dinaikkan atau diturunkan. Waktu mana?

(2 markah)

- [iv] Beri dua sebab keanjalan permintaan pada pukul 7.30 pagi demikian keadaannya.

(2 markah)

... 7/-

[FF] Jadual 1 menunjukkan jadual pengeluaran satu fungsi pengeluaran yang tertentu.

Jadual 1

| | | | | | |
|-----------------------|---|----|-------|-----|-----|
| M o d a l | 3 | | 90 | 120 | 150 |
| 2 | | 70 | 100 | 120 | |
| 1 | | 50 | 70 | 90 | |
| | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | |
| | | | Buruh | | |

[i] Jika pengeluar sedang menggunakan 2 unit modal, berapakah keluaran sut buruh yang ketiga?

(2 markah)

[ii] Nyatakan ciri pulangan mengikut skel sistem pengeluaran ini. Kenapa?

(2 markah)

[G] Sebuah firma boleh mengeluarkan barang Z dengan menggunakan input L atau K atau kedua-keduanya. Pada masa ini kedudukan pengeluaran firma itu adalah seperti berikut:


$$MP_K = 6, P_K = \$2; MP_L = 12, P_L = \$8$$

[i] Jelaskan sama ada firma tersebut sedang menggunakan kombinasi input yang meminimumkan kos atau tidak.

(3 markah)

- [ii] Lukiskan kedudukan firma itu secara kasar dengan menggunakan rajah isokuan dan garisan belanjawan firma dalam Rajah 5.

(2 markah)




Rajah 5: Kedudukan Firma

- [H] Sebuah firma memperkenalkan teknologi baru ke dalam sistem pengeluarannya. Firma tersebut mendapati tambahan unit modalnya yang terakhir menambahkan outputnya sebanyak 26 unit dan tambahan unit buruhnya yang terakhir menambahkan outputnya sebanyak 17 unit.

- [i] Tuliskan formula yang menggambarkan kemajuan teknologi yang digunakan oleh firma ini dan terangkan secara ringkas makna formula tersebut.

(2 markah)

- (ii) Lukiskan rajah isokuan yang menggambarkan kemajuan teknologi ini. (3 markah)



Rajah 6: Kemajuan Teknologi

- (i) Bagi setiap keadaan yang berikut, hitungkan tingkat keluaran yang memaksimumkan keuntungan dan keuntungan firma pada output berkenaan.

$$\begin{aligned} \text{(i)} \quad \text{TC} &= 10 + 20Q + 2Q^2 \\ \text{P} &= 100 - 2Q \end{aligned}$$

(3 markah)

$$\begin{aligned} \text{(ii)} \quad \text{TC} &= 100 \\ \text{P} &= 130 - 3Q \end{aligned}$$

(3 markah)

...10/-

[J] Pernyataan-pernyataan berikut ialah berkenaan dengan pasaran persaingan sempurna. Nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan tersebut dan berikan sebab.

[i] Keluk penawaran jangka pendek industri dalam persaingan sempurna sentiasa mencerun ke atas, tetapi keluk penawaran jangka panjangnya boleh mencerun ke bawah.

(2 markah)

[ii] Jika harga sama dengan kos purata minimum, pengeluar dalam industri persaingan sempurna itu akan mendapat keuntungan lebih normal jika dia menyamakan harga dengan kos sutnya.

(2 markah)

iii) Jika sebuah firma persaingan sempurna mengeluarkan output pada titik $MR > MC$, firma itu boleh menambahkan jumlah hasilnya dengan mengurangkan outputnya.

(2 markah)

...11/-

- [K] Sebuah firma monopoli menjual keluarannya di dua pasaran yang berasingan. Keluk permintaan di kedua-dua pasaran dianggarkan seperti berikut:

$$P_a = 20 - 0.1Q_a$$

$$P_b = 40 - 0.15Q_b$$

jumlah kosnya : $10Q$

- i) Bagaimanakah firma tersebut membahagikan jualannya di kedua-dua pasaran tersebut.

(4 markah)

- ii) Hitungkan keuntungannya apabila dia mengamalkan diskriminasi harga itu.

(4 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)Jawab **DUA** soalan sahaja.**Soalan 2** (20 markah)

Dalam teori pengguna kita cuba mempelajari bagaimana seseorang pengguna itu memperuntukkan pendapatannya di kalangan barang-barang yang dibelinya di samping cuba memaksimumkan utilitinya.

- (a) Jelaskan perbezaan dalam kaedah pemaksimuman utiliti bagi pengguna yang menggunakan cuma satu barang dan pengguna yang menggunakan dua barang. Sokong jawapan anda dengan rajah-rajah yang sesuai.

(8 markah)

- (b) Konsep keanjalan berguna untuk membantu kita mengklasifikasikan barang-barang kepada jenis-jenis tertentu. Dengan menggunakan konsep keanjalan permintaan harga, keanjalan permintaan pendapatan dan keanjalan silang jelaskan bagaimana anda boleh mengklasifikasikan barang-barang pengguna mengikut konsep keanjalan itu.

(6 markah)

- (c) Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai, jelaskan makna keseimbangan pengguna. Gunakan konsep-konsep seperti garisan belanjawan, keluk puas sama, dan seterusnya untuk membantu penjelasan anda.

(6 markah)

Soalan 3 (20 markah)

Anda bekerja dengan sebuah firma pengeluaran dan telah diberikan tugas untuk meninjau kemungkinan firma anda mengubah teknologi pengeluaran yang sedang digunakan oleh firma anda. Di tempat anda itu anda mempunyai maklumat mengatakan harga buruh sangat tinggi.

- (a) Jelaskan kepada ketua pengurusan anda tentang jenis kemajuan teknologi yang harus digunakan bagi mengelakkan kos buruh yang terlalu tinggi. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk meyakinkan beliau.

(8 markah)

...13/-

- (b) Ketua pengurus anda ingin mengetahui perbezaan di antara kadar penggantian sut teknikal dan keanjalan penggantian faktor. Terangkan kepada beliau bagaimana keanjalan penggantian faktor mempengaruhi bentuk isokuan.

(6 markah)

- (c) Terangkan kepada ketua pengurus anda perbezaan di antara kecekapan teknik dan kecekapan ekonomi.

(6 markah)

Soalan 4 (20 markah)

Tidak dapat dinafikan bahawa keuntungan merupakan salah satu daripada perkara yang penting kepada para pengeluar.

- (a) Dengan bantuan rajah-rajah yang berkenaan, huraikan pendekatan "jumlah hasil-jumlah kos" terhadap pemaksimuman keuntungan.

(8 markah)

- (b) Huraikan secara ringkas andaian-andaian asas bagi pasaran persaingan yang sempurna. Bincangkan satu pasaran yang anda tahu, yang hampir memenuhi syarat-syarat pasaran persaingan sempurna ini.

(6 markah)

- (c) Jelaskan makna keuntungan sifar. Terangkan bagaimana keuntungan sifar akan tercapai dalam pasaran persaingan sempurna.

(6 markah)

Soalan 5 (20 markah)

Syarikat Tenaga Nasional atau TEN merupakan satu-satunya syarikat yang membekalkan tenaga elektrik di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan pasaran tenaga elektrik Malaysia merupakan pasaran monopoli.

- (a) Merujuk kepada kes Syarikat Tenaga Nasional ini, jelaskan apakah buruk baiknya (daripada segi teori ekonomi) TEN itu dibiarkan beroperasi sebagai sebuah monopoli. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk menghuraikan masalah tersebut.
- (8 markah)
- (b) Mengikut kefahaman anda tentang teori monopoli, bolehkah TEN sebagai monopoli menjalankan diskriminasi harga bagi keluarannya? Bagaimanakah bentuk diskriminasi harga yang boleh dikenakan?
- (6 markah)
- (c) Dengan sokongan rajah-rajah yang sesuai, jelaskan indeks monopoli Rothschild. Bincangkan konsep ekonomi yang telah digunakan oleh Rothschild bagi menentukan kuasa monopoli.
- (6 markah)

oooOooo

